

28/03/1997

Jepun perlu berani bersuara

TOKYO, Khamis - Negara-negara Asia, terutama Jepun harus membuat pendirian yang jelas berhubung kedudukan dan peranan mereka dalam hal ehwal dunia, bukannya menurut pandangan Eropah semata-mata.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sebagai negara paling maju di rantau ini, Jepun perlu berhenti daripada menganggap dirinya sebagai negara maju Barat di Timur, sebaliknya harus menyuarakan isu-isu berkaitan negara di rantau Asia.

Jepun, kata Perdana Menteri, perlu memainkan peranan yang sepatutnya dalam hal ehwal dunia dan menjadi teladan baik kepada Asia dengan memberi perhatian kepada isu-isu yang menjadi kebimbangan negara-negara Asia.

"Jepun mempunyai kewibawaan untuk menerajui, bukan ke arah dominasi Asia dalam abad Asia, tetapi ke arah masyarakat dunia yang lebih saksama dalam Abad Dunia yang sedang bermula," katanya.

Dr Mahathir, yang mengilhamkan forum Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), berucap mengenai Masa Depan Asia dan Peranan Jepun: Cabaran Abad Ke-21 Kepada Belia di Universiti Waseda, di sini hari ini.

Beliau, yang dalam rangka lawatan rasmi lima hari ke Jepun, berkata negara-negara Asia tidak dapat berbuat sesuatu secara berkesan mengenai hal ehwal ekonomi dan politik masing-masing, apa lagi di peringkat dunia, dalam keadaan mereka berpecah dan tidak selaras.

"Kita hanya mengikut pendapat Eropah yang dominan tanpa mengira kesilapan mereka pada masa dahulu dan kemungkinan mereka membuat kesilapan lagi sekarang. Jika pada akhirnya semua sistem mereka, baik dari segi politik dan ekonomi terbukti salah, tentu kita semualah yang terpaksa menanggungnya," katanya.

Dalam ucapan hampir sejam itu, Perdana Menteri beberapa kali mengulangi bahawa beliau tidak bermaksud supaya negara-negara Asia mengambil tindakan secara ketenteraan atau pun ekonomi terhadap Barat.

Sebaliknya, kecenderungan negara di rantau ini termasuk China untuk bersatu, sekurang-kurangnya dapat mewujudkan keseimbangan terhadap pengaruh Barat, sekali gus menyumbang ke arah pembentukan dunia yang lebih aman dan adil.

Beliau yakin Asia boleh melakukannya kerana sejarah membuktikan masyarakat rantau ini pada masa lalu pernah memainkan peranan penting dalam mencorakkan budaya, agama dan politik dunia.

"Kalau mereka boleh berbuat demikian pada masa lalu, mereka sepatutnya boleh melakukannya lagi dan sudah tentu bukan melalui peperangan tetapi dengan mengimbangi tekanan Eropah," ujarnya.

"Masalahnya, masyarakat Asia buat masa ini masih berpecah, pasif dan segan untuk mempertahankan diri. Mereka bimbang masyarakat Eropah tidak akan menyukainya dan dengan itu, mereka seboleh-bolehnya tidak mahu mencetuskan kemarahan Barat," katanya.

(END)